BANKRAKYAT

# HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK

| | |
|---|---|
| **Sila baca Helaian Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk memilih Pinjaman Pajak Gadai-i. Terma dan syarat pinjaman dinyatakan secara terperinci di Surat Akuan Gadaian.** | **BANK RAKYAT**<br><br>**PINJAMAN PAJAK GADAI-i AR-RAHNU**<br><br>**Tarikh:** |

**1. Apakah yang perlu saya ketahui mengenai produk ini?**

- Produk ini menawarkan kemudahan pinjaman wang tunai segera berdasarkan gadaian dari barang kemas / barangan emas berasaskan prinsip syariah.
- Menerima semua jenis barang kemas yang bermutu dari 18 karat hingga 24 karat dan barangan emas yang bermutu dari 22 karat hingga 24 karat dengan syarat yang ditetapkan oleh Bank kecuali perkara berikut :
  - Barang kemas / barangan emas yang berbatu.
  - Barang kemas / barangan emas yang berbentuk patung keagamaan atau makhluk lengkap bernyawa.

**2. Apakah konsep Syariah yang digunakan?**

- Qard iaitu perjanjian pinjaman antara pihak yang memberi pinjaman dan pihak yang meminjam.
- Wadi`ah Yad Dhamanah iaitu menyimpan dan memberi jaminan ke atas barang gadaian adalah selamat dan terjamin.
- Ujrah iaitu upah yang dikenakan ke atas jaminan keselamatan dan simpanan barang gadaian.

**3. Apakah yang saya akan dapat melalui tawaran dari produk ini?**

- Jumlah pinjaman : ____________________
- Margin pinjaman : ____________________
- Tempoh pinjaman : ____________________
- Kadar upah simpan : __________________

Ringkasan pengiraan jumlah upah simpan :
Nilai Marhun x (Kadar upah simpan/100) x 12 x (Tempoh Gadaian/Bilangan Hari Setahun)

**4. Apakah tanggungjawab kewangan saya?**

- Ansuran bulanan : ___________________
- Jumlah keseluruhan pinjaman adalah : ________________
- Pada setiap masa Nilai Marhun hendaklah tidak kurang daripada baki pinjaman mengikut harga emas yang dipaparkan oleh Bank. Sekiranya penurunan pada nilai Marhun, pelanggan hendaklah menjelaskan sebahagian baki pinjaman untuk mengekalkan Nilai Marhun.

**5. Apakah yuran dan caj lain yang perlu dibayar?**

- Tiada.

**6. Bagaimana sekiranya saya gagal memenuhi tanggungjawab ke atas pinjaman ini?**

- Sekiranya pelanggan menghadapi masalah dalam memenuhi tanggungjawab membayar jumlah pinjaman dan upah simpan, sila hubungi Bank dengan segera.
- Sekiranya ingkar membuat bayaran jumlah pinjaman dan upah simpan, Bank berhak mengambil tindakan menarik balik pinjaman dan melelong marhun (barang gadaian).

**7. Bagaimana sekiranya pinjaman dijelaskan sebelum tamat tempoh pinjaman?**

- Upah simpan yang dikenakan adalah sehingga bulan dimana pelanggan menjelaskan pinjaman tersebut.

**8. Apakah risiko yang perlu saya tanggung?**

- Pelanggan masih bertanggungjawab memastikan bayaran dibuat seperti yang dinyatakan di Surat Akuan Gadaian walaupun pelanggan menghadapi masalah kewangan seperti kehilangan pekerjaan atau sakit.

**9. Adakah saya memerlukan penjamin atau cagaran lain?**

- Tidak perlu.

**10. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya berlaku perubahan maklumat?**

- Pelanggan hendaklah menghubungi Bank dengan segera sekiranya terdapat sebarang perubahan maklumat peribadi bagi memastikan urusan surat-menyurat dapat disampaikan mengikut masa yang ditetapkan.
- Sila hubungi **Pusat Panggilan di talian 1-300-80-5454** atau kunjungi mana-mana cawangan Bank Rakyat yang berdekatan untuk sebarang perubahan maklumat peribadi pelanggan.

| | | |
|---|---|---|
| **11. Di mana saya boleh dapatkan maklumat lanjut?**<br><br>Sekiranya pelanggan memerlukan maklumat lanjut sila rujuk risalah produk atau layari **www.bankrakyat.com.my** | **Sebarang cadangan dan pertanyaan anda boleh disalurkan ke:**<br><br>**Pusat Panggilan di talian 1-300-80-5454**<br>Isnin hingga Jumaat dari 7:30 pagi hingga 9:30 malam.<br><br>Untuk waktu perniagaan selain daripada yang dinyatakan di atas, sila hubungi:<br><br>**Pusat Data** di talian **03-26129708**. | **Anda boleh membuat aduan dengan menelefon:**<br><br>**1-300-80-5454**<br><br>atau menghantar aduan anda ke<br><br>**Unit Biro Aduan Awam, Perkhidmatan Pelanggan, Menara 1, Menara Kembar Bank Rakyat, No.33 Jalan Rakyat, KL Sentral, 50470 Kuala Lumpur.**<br><br>atau e-mel ke: **aduan@bankrakyat.com.my**.<br><br>Atau hubungi<br><br>**Bank Negara Malaysia LINK or TELELINK di:**<br><br>**Block D,** |

| | | |
|---|---|---|
| | | **Bank Negara Malaysia, Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur<br>Tel: 1-300-88-5465<br>Faks: 03-21741515<br>E-mail: bnmtelelink@bnm.gov.my** |

**12. Dimanakan saya boleh dapatkan bantuan apabila menghadapi masalah membuat bayaran ansuran pinjaman?**

- Pelanggan boleh menghubungi Bank dengan segera,

**atau**

- Pelanggan boleh dapatkan khidmat nasihat daripada **Agensi Kaunseling & Pengurusan Kredit (AKPK)**. Agensi ini ditubuhkan oleh BNM untuk memberi perkhidmatan secara percuma iaitu pendidikan kewangan, kaunseling kewangan dan pengurusan kredit.

Hubungi AKPK di alamat berikut:

**Tingkat 8, Maju Junction Mall,**
**1001, Jalan Sultan Ismail**
**50250 Kuala Lumpur**
**Tel: 1-800-88-2575**
**E-mail: enquiry@akpk.org.my**

**PENTING!**

- **TINDAKAN UNDANG-UNDANG MUNGKIN AKAN DIKENAKAN JIKA ANDA TIDAK MELUNASKAN PEMBIAYAAN**
- **PRODUK INI TELAH DILULUSKAN OLEH AHLI JAWATANKUASA SYARIAH PADA 21/01/2015.**
- **HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK TELAH DIBACA, DIFAHAMI & DIPERSETUJUI OLEH DAN MESTILAH DITANDATANGANI OLEH PELANGGAN**

Maklumat di risalah ini adalah sah mulai pada 07/10/2016.